



# Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat

## Siri 8/ 2024 (Bulan Ogos 2024)

Bil	Tajuk	Tarikh
1.	<b>Childfree: Antara Sinar Iman Dan Samar Keyakinan</b>	<b>2 Ogos 2024M/ 27 Muharram 1446H</b>
2.	<b>Fardu Yang Disisihkan</b>	<b>9 Ogos 2024M/ 4 Safar 1446H</b>
3.	<b>Taubat: Jalan Menuju Kejayaan</b>	<b>16 Ogos 2024M/ 11 Safar 1446H</b>
4.	<b>Scam: Beringat Sebelum Kena</b>	<b>23 Ogos 2024M/ 18 Safar 1446H</b>
5.	<b>Kemerdekaan Diperjuang, Tanggungjawab Dipegang</b>	<b>30 Ogos 2024M/ 25 Safar 1446H</b>
<b>Khutbah Kedua</b>		

دبىاىاءى:



زكاة فولاو فبنغ

دترىبىتنكن:



جابتن حال احوال اكام اسلام فولاو فبنغ

**Jawatankuasa**  
**Panel Semakan Teks Khutbah**  
**Negeri Pulau Pinang**

- 1. SS Prof Madya Dr. Mohd Sukki bin Othman**  
**(Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab**  
**(Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





# Kemerdekaan Diperjuang, Tanggungjawab Dipegang

30 Ogos 2024M/ 25 Ogos 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوْمِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ  
شَتَانُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٥٨﴾

سورة المائدة

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَىٰ يَوْمِ  
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ  
تُفْلِحُونَ.

## SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Fahamilah bahawa takwa kepada Allah adalah punca dari segala kebaikan. Justeru bertakwalah kepada-Nya dengan sesungguhnya. Jadikanlah takwa sebagai prinsip utama dalam setiap langkah dan keputusan kita. Dengan berbekalkan takwa di dunia, mudah-mudahan kita mendapat rahmat, redha dan keampunan-Nya di akhirat kelak.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan



perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan dunia.

Pada hari Jumaat yang mulia ini, kita berkumpul dengan penuh rasa syukur untuk memperingati kemerdekaan negara tercinta kita, Malaysia. Justeru mimbar akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“Kemerdekaan Diperjuang, Tanggungjawab Dipegang.”**

## **PARA JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Dalam lipatan sejarah negara ini, kita telah pelajari banyak perkara melalui peristiwa penjajahan yang mencengkam rakyat suatu ketika dahulu. Penindasan politik, eksploitasi ekonomi, penghambaan manusia dan penindasan budaya adalah antara mimpi ngeri yang terpaksa nenek moyang kita lalui. Penjajah turut menggunakan tindakan “paksa” untuk kekal berkuasa serta mengamalkan politik pecah dan perintah agar penduduk tempatan tidak bersatu untuk menentang penjajahan mereka.

Kita juga telah menyaksikan, para ulamak dan pejuang terdahulu telah berjuang tanpa kenal penat dan lelah. Dato’ Maharaja Lela, Tun Fatimah, Tok Janggut, Mat Kilau, Sarjan Hassan, Leftenan Adnan, Doktor Borhanuddin Al-Hilmi dan ramai lagi merupakan antara nama yang telah bermati-matian berjuang untuk memastikan Malaysia menjadi sebuah negara merdeka dan berdaulat. Bukan sedikit darah, keringat dan air mata yang dipertaruhkan. Perjuangan tersebut bukanlah untuk meraih kekuasaan politik semata-mata, bahkan juga demi menjamin kebebasan beragama, menyuburkan ekonomi, meningkatkan taraf pendidikan serta membina masyarakat yang harmoni dan saling mengukuhkan.



Alhamdulillah, hari ini kita sedang menikmati hasil perjuangan mereka. Renungilah sejenak, apakah yang kita perlu lakukan agar apa yang kita nikmati kini berkekalan bahkan lebih baik pada masa hadapan? Sedih seketika memikirkan bagaimana perkara-perkara yang berpotensi meruntuhkan negara sedang merebak umpama wabak.

Antara perkara yang membantutkan nilai kemerdekaan ialah wujudnya gejala seperti berikut:

1. Rasuah yang meluas
2. Ketegangan politik
3. Krisis ekonomi seperti inflasi dan pengangguran yang tinggi
4. Ekstremisme yang menguhuru-harakan keamanan
5. Kehilangan jati diri serta semangat kebersamaan sesama warga negara

## **SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,**

Kemerdekaan yang kita sambut hari ini bukanlah sekadar peristiwa bersejarah, tetapi merupakan perjalanan berterusan untuk mengekalkan kestabilan yang wujud dengan menjadikan keadilan sebagai asasnya. Inilah yang ditekankan oleh Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** menerusi surah al-Maidah, ayat 8 yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap*



*adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.”*

Dengan keadilan ini, kebenaran akan ditegakkan, penguasa akan mentadbir dengan berintegriti dan hak-hak rakyat dapat dibela tanpa prejudis.

## **KAUM MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Fahamilah, kemerdekaan sebenar menurut Islam iaitu?

**Pertama:** Bebas diri daripada syirik

**Kedua:** Mematuhi syariat Allah dalam kehidupan

**Ketiga:** Sentiasa menuntut ilmu untuk membebaskan diri daripada kejahilan

**Keempat:** Membebaskan diri daripada sebarang sifat zalim sesama manusia

Inilah yang ditekankan oleh Baginda Rasulullah ﷺ dalam sabdanya yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim رَحْمَهُمَا اللهُ:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: " أَنْصُرْ أَخَاكَ ظَالِمًا أَوْ مَظْلُومًا ". قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ هَذَا نَنْصُرُهُ مَظْلُومًا، فَكَيْفَ نَنْصُرُهُ ظَالِمًا قَالَ: " تَأْخُذُ فَوْقَ يَدَيْهِ "



Maksudnya: Sabda Rasulullah ﷺ: “Tolonglah saudaramu, sama ada yang zalim atau dizalimi. Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, kami faham untuk menolongnya jika dia dizalimi, tetapi bagaimanakah jika dia yang menzalimi?” Nabi ﷺ menjawab: “Dengan mencegahnya daripada menzalimi orang lain.”

## **PARA TETAMU ALLAH YANG DIMULIAKAN,**

Marilah kita berdoa kepada Allah agar memberkati negara kita dengan keamanan, kemakmuran, dan perpaduan. Semoga Allah memberi petunjuk kepada pemimpin-pemimpin kita untuk mentadbir dengan hikmah dan keadilan serta memberi kita kekuatan dan keazaman untuk menunaikan tanggungjawab kita sebagai warga Malaysia.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar menyimpulkan bicara kepada beberapa perkara:

**Pertama:** Marilah kita menghindari dan menyelesaikan masalah-masalah yang berpotensi meruntuhkan negara seperti rasuah yang meluas, ketegangan politik, krisis ekonomi seperti inflasi dan pengangguran, kehilangan jati diri serta pudar semangat kebersamaan sesama warga negara.

**Kedua:** Hendaklah kita merdeka dengan erti kata sebenar menurut acuan Islam iaitu bebas daripada syirik, kejahilan dan diselamatkan daripada azab api neraka.



**Ketiga:** Hendaklah kita bertoleransi dan hidup secara harmoni dalam masyarakat majmuk bagi mengekalkan semangat kemerdekaan negara Malaysia yang tercinta.

Firman Allah dalam surah an-Nasr:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ ① وَرَأَيْتَ النَّاسَ يَدْخُلُونَ فِي دِينِ اللَّهِ أَفْوَاجًا ②

فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَأَسْتَغْفِرْهُ إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا ③

Maksudnya: “Apabila datang pertolongan Allah dan kemenangan (semasa engkau wahai Muhammad berjaya menguasai negeri Mekah), dan engkau melihat manusia masuk dalam agama Allah beramai-ramai, maka ucapkanlah tasbih dengan memuji Tuhanmu dan mintalah ampun kepada-Nya, sesungguhnya Dia amat menerima taubat.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهِدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،  
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





## Khutbah Kedua Bulan Ogos

2024M/ 1445H/ 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِسَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا  
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿الأحزاب: 56﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،  
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ  
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِلْ كَلِمَتَكَ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.



اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُؤَسَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ،

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ  
وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri  
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang  
dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Khadijah Mohd Noor.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالرَّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ  
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ  
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha  
Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang  
istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat  
melalui Zakat Pulau Pinang dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf  
Pulau Pinang.*

*Ya Allah! Jadikanlah kerja-kerja agihan zakat di Pulau Pinang ini  
sebagai suatu usaha yang berkesan bagi membela golongan asnaf  
sasaran. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian,  
serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam*



Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ  
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٥٢﴾

